

Memali antara pengalaman dalam buku Yusof

KUALA LUMPUR 5 Feb. – Tan Sri Mohd. Yusof Noor tidak pernah melupakan saat getir dilaluinya ketika peristiwa Memali di Baling, Kedah pada 1985 yang mengorbankan ramai anggota polis.

Beliau juga tidak akan melupakan pengalaman ketika bertugas di sebuah institusi pengajian tinggi apabila berdepan gerakan ekstrem mahasiswa tempatan yang terpengaruh semangat Revolusi Iran pada 1979.

“Dalam dunia politik, saya telah lalui zaman yang paling sensitif termasuk apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim keluar UMNO, ketika itu saya menjadi Ketua Penerangan parti. Jadi boleh bayangkan kesulitan yang dilalui ketika itu.

“Semua itu pengalaman yang agak sukar tetapi saya lalui dengan baik,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku biografi mengenai dirinya yang bertajuk *Melakar Jejak-Biografi Mohd. Yusof Noor* di sini hari ini.

Buku yang diterbitkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu dan dilancarkan Menteri Penerangan, Ko-



RAIS Yatim menunjukkan buku *Melakar Jejak-Biografi Mohd. Yusof Noor* sambil diperhatikan Yusof Noor dan Naib Canselor Universiti Sains Islam (USIM), Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur, semalam.

munikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim memaparkan pembabitan Mohd. Yusof dalam dunia politik, akademik, perkhidmatan kerajaan dan dunia korporat.

Mohd. Yusof, yang kini merupakan

Pengerusi Felda berkata, biografi pengalaman hidup dan pencapaian dirinya diharap dapat menjadi bahan untuk rujukan generasi muda.

“Saya berterima kasih kerana usaha menerbitkan biografi ini dan ber-

harap ia dapat dimanfaatkan oleh masyarakat,” katanya yang menyambut hari lahir ke-69 hari ini.

Mohd. Yusof yang melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di Universiti Al-Azhar, Mesir pernah ber-

khidmat sebagai guru agama dan penyarah pengajian Islam, Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum menyertai sebagai menteri penuh bermula 1987.

Beliau menyertai dunia politik sebagai ahli UMNO pada 1975, pernah menjadi Ketua Penerangan UMNO dan memenangi kerusi Ahli Parlimen Besut, Terengganu pada 1990 dan kemudian bersara daripada politik pada 2004.

Tokoh Maal Hijrah 2009 itu mula menyertai dunia korporat apabila dilantik sebagai Pengerusi Felda bermula 2001.

“Banyak masa dan situasi kritikal telah saya lalui dan semuanya adalah daripada dunia berbeza,” katanya.

Dalam pada itu, Rais dalam ucapannya berkata, Mohd. Yusof adalah seorang tokoh yang tiada tandingannya, berjiwa besar dan seorang yang tajam pemikirannya.

“Maka penerbitan biografi ini dapat menonjolkan seorang tokoh yang telah berjaya membawa lembaran baru dalam pelbagai aspek,” katanya.